

06/04/1999

KeADILan akan tenatkan Pas

Bekas Ahli Semangat 46

TERJAWAB juga akhirnya. Kumpulan yang menyokong reformasi akan bernaung di bawah parti mereka sendiri, Parti KeADILan Nasional (keADILan).

Parti itu dilancarkan kelmarin oleh isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah Wan Ismail.

KeADILan akan menjadi satu lagi parti pembangkang dalam sejarah politik Malaysia yang memperjuangkan parti pelbagai kaum di sebalik suasana politik Malaysia yang selalunya mendapat sokongan hanya daripada satu kaum saja, biarpun parti itu bersifat "multiracial".

Apa yang menarik mengenai keADILan ialah ia dikatakan muncul untuk perjuangan ke arah pembaharuan.

KeADILan difahamkan adalah sebuah parti politik yang berdaftar di Terengganu dalam 1990 atas nama Ikatan Masyarakat Islam Malaysia.

Namun di sebalik segala tunjuk perasaan, kutukan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta kritik-kritik lantang terhadap kerajaan, keADILan pastinya lebih mirip kepada usaha membela Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Secara lebih khusus, keADILan tidak lebih daripada memperjuangkan pembebasan dan menyelamatkan politik Anwar. Ini berdasarkan gerakan reformasi dan ceramah-ceramah Dr Wan Azizah.

Dalam ceramahnya Dr Wan Azizah lebih menekankan soal pembebasan 'Abang Anwar' daripada soal asas perjuangan, umpamanya menegakkan pemerintahan kumpulan itu bagi menggantikan Barisan Nasional (BN).

Dr Wan Azizah jelas sekali lemah dari segi falsafah kepimpinan dan politik kerana baginya 'Abang Anwar' adalah segala-galanya.

Yang sering disebut oleh bakal pemimpin parti itu ialah meminta rakyat Malaysia supaya menolak pemerintahan campuran BN pimpinan Dr Mahathir.

Dalam usaha ini, Dr Wan Azizah nampaknya tidak berani untuk mengatakan kumpulannya boleh menundukkan BN secara bersendirian tetapi memerlukan pakatan dengan pembangkang lain. Kemampuan Dr Wan Azizah akan teruji selepas ini. Apakah penyokong reformasi boleh menerima wanita menerajui parti ini?

Lebih menarik, keADILan akan bersekongkol dengan Pas dan DAP serta parti kecil lain dalam usaha menundukkan BN. Beberapa persoalan timbul di sini.

Pertama, apakah Pas akan merela atau membenarkan kerjasamanya dengan KeADILan yang dipimpin oleh wanita? Apakah kerjasama itu tidak bercanggah apabila Pas menolak kepimpinan wanita seperti ini. Pas melarang ahli wanitanya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Kedua, Pas sendiri akan kembali 'kepada asalnya' kerana penyokong reformasi akan bernaung di bawah keADILan.

Dengan kata lain, penyokong reformasi yang selama ini berselindung di sebalik Pas akan meninggalkan parti itu? Bolehkan Pas mendabik dada kononnya keanggotaannya bertambah besar setiap hari selepas ini?

Malah, Pas akan menghadapi dilema lebih besar kerana sikapnya yang menumpang isu pembelaannya terhadap Anwar yang kini diambil alih oleh parti lain yang akan turut bertanding dalam pilihan raya umum kelak.

Ketiga, bagaimana dengan penyokong Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), apakah mereka akan menyertai keADILan atau Pas? Mungkinkah anggota Abim akan berpecah dari segi menyokong parti politik selepas ini?

Jika semua ahli Abim menyokong keADILan, Pas akan merana sekali lagi kerana sokongan terhadap Pas sejak September tahun lalu lebih diakibatkan oleh sokongan daripada mereka yang bersimpati dengan Anwar.

Keempat, keADILan mengatakan ia parti pelbagai kaum. Sejarah membuktikan parti seperti ini sukar bergerak di Malaysia. Orang Melayu menolak Datuk Onn Jaafar, apabila Umno mahu dibuka kepada orang bukan Melayu.

DAP yang menjadi serpihan kepada Parti Tindakan Rakyat (PAP) selepas Singapura keluar Malaysia juga terumbang ambing dan masih dilihat sebagai parti untuk orang Cina.

Gerakan sendiripun pernah berusaha menjadi parti pelbagai kaum tetapi turut dianggap sebagai mewakili satu kaum saja.

Bagaimana nasib PSRM, Parti Negara, Berjaya dan banyak lagi yang mahu ditegakkan melalui kerjasama antara kaum?

Yang terbukti kukuh sejak merdeka hingga kini ialah Perikatan yang kemudian mulai 1974 secara rasmi menjadi BN, adalah pilihan ramai dan tepat. Tidakkah kita mahu memperakui sejarah bahawa politik ala-Malaysia tidak menerima perjuangan yang tergopoh-gapah seperti nasib yang menimpa Parti Negara, IMP, dan parti pelbagai kaum yang lain.

Jika parti yang mempunyai falsafah dan perjuangan merentasi sempadan kaum sering gagal, apakah keADILan yang memperjuangkan kepentingan demi seorang, akan diterima ramai di Malaysia?

Mampukah Dr Wan Azizah memimpin keADILan lari daripada perjuangan untuk kepentingan 'Abang Anwar' semata-mata kepada perjuangan yang lebih menyeluruh?